

**NO SOALAN :56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU  
(SARIKEI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.03.2015**

**Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci berkenaan dengan kedudukan kewangan kerajaan pusat pada masa sekarang. Adakah kedudukan kewangan negara sekarang masih stabil untuk mengelakkan daripada berkorupsi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan kewangan Kerajaan sekarang masih stabil berdasarkan kepada asas ekonomi yang kukuh, meskipun negara berdepan dengan perubahan

senario ekonomi global yang faktor-faktornya diluar kawalan kita. Kerajaan telah berjaya mengurangkan paras defisit fiskal daripada 6.7% pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2009 kepada 3.5% pada tahun 2014. Bagi memastikan kemampunan fiskal jangka masa sederhana dan panjang tercapai, Kerajaan akan terus memantau dan membuat penilaian kedudukan kewangan Kerajaan dari masa ke masa.

Sehubungan itu, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perutusan khas pada 20 Januari yang lalu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah *preemptive* berikutan penurunan ketara harga minyak mentah dunia pada suku keempat tahun 2014 dan kejatuhan nilai ringgit, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong (semasa pembentangan Bajet 2015) kepada USD55 setong. Kesannya, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Walau pun terdapat penjimatan daripada subsidi minyak hasil daripada pelaksanaan sistem pengapungan secara terkawal (*managed float*) bagi harga runcit RON95 dan Diesel, penjimatan ini masih tidak dapat menampung kekurangan

hasil tersebut.

Justeru, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit 2015 daripada RM35.7 bilion kepada RM37 bilion atau sebagai peratusan KDNK daripada 3% kepada 3.2%. Bagi mencapai sasaran defisit baru ini, Kerajaan telah dan akan melaksanakan *fiscal adjustment* melalui peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan yang membawa kepada tambahan hasil sebanyak RM1.4 bilion dan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal kukuh Kerajaan akan melaksanakan antara langkah-langkah berikut:

- (i) Meningkatkan hasil melalui perluasan asas cukai (*broaden the tax base*) dengan pelaksanaan GST bermula April 2015.

- (ii) Menambah baik sistem pentadbiran cukai bagi meningkatkan kecekapan pungutan hasil dengan memanfaatkan kemajuan teknologi seperti *e-filing* bagi memudahkan pembayaran;
- (iii) Meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik;
- (iv) Meningkatkan kecekapan perbelanjaan dengan memastikan peruntukan mengurus dibelanjakan secara produktif serta berdasarkan *value for money*;
- (v) Melaksanakan Sistem *Outcome Based Budgeting* (OBB) untuk memastikan kecekapan perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan pertambahan peruntukan dan ketirisan.
- (vi) Mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal;
- (vii) Membuat penilaian berterusan ke atas keperluan perbelanjaan

dengan mengambilkira komitmen baharu serta keupayaan jabatan Kerajaan untuk menjayakan projek yang dirancang.